



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA MINGGU EPIDEMIOLOGI 45 (3 NOVEMBER 2024 – 9 NOVEMBER 2024)

Pada Minggu Epidemiologi ke-45 tahun 2024, sebanyak 1,583 kes demam denggi dan dua (2) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan, berbanding 1,346 kes dan satu (1) kematian pada minggu sebelumnya. Secara kumulatif, jumlah kes demam denggi sehingga kini adalah sebanyak 112,833 kes dengan 104 kematian, berbanding 103,371 kes dan 80 kematian untuk tempoh yang sama tahun 2023.

Terdapat 39 lokaliti aktif hotspot yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-45 berbanding 27 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Daripada 39 lokaliti yang dilaporkan, 25 lokaliti di Selangor, lima (5) lokaliti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, empat (4) lokaliti di Negeri Sembilan, dua (2) lokaliti di Pulau Pinang, dua (2) lokaliti di Sabah dan satu (1) lokaliti di Perak.

Berdasarkan analisa yang dilakukan, didapati kematian akibat jangkitan denggi menunjukkan peningkatan pada tahun ini. Oleh itu, masyarakat disarankan untuk segera mendapatkan rawatan awal di mana-mana fasiliti kesihatan sekiranya mengalami tanda dan gejala demam denggi, seperti demam secara tiba-tiba, sakit otot atau sendi, sakit kepala, dan sakit di

belakang mata. Gejala seperti muntah berterusan, sakit perut, keletihan melampau, pendarahan hidung, muntah berdarah dan kesukaran bernafas merupakan tanda-tanda amaran akibat komplikasi demam denggi. Kelewatan mendapatkan rawatan awal boleh meningkatkan risiko kematian. Kementerian Kesihatan Malaysia berharap dengan komitmen semua pihak, kes kematian denggi akan dapat dikurangkan. **Tiada *Aedes*, tiada denggi.**

DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN
KETUA PENGARAH KESIHATAN
15 NOVEMBER 2024